

Longkang, parit dipenuhi semak

MPS diminta selenggara secara berkala elak banjir kilat

“Lihat saja keadaan longkang di sekitar kawasan kampung ini, semuanya ditutupi semak dan lalang”

Md Naim Alwi

Pengerusi JKKK
Kampung Limau Manis

di sarang haiwan berbisa atau pembiakan nyamuk Aedes,” katanya kepada Sentral.

Ahmad Jahara Shufaaah, 53, berkata keadaan itu memaksa penduduk menanggung kerugian ribuan ringgit kerana membaiki rumah yang dimasuki air longkang kesan dari kelemahan pada sistem perparitan yang ada di kampung itu.

“Setiap kali banjir kilat, paras air mencecah sehingga satu meter akibat air longkang melimpah kerana tersumbat dengan sampah sarap.

“Ada penduduk terpaksa mengharung banjir pada paras pinggang apabila air masuk ke dalam rumah, keadaan ini sememangnya menyusahkan penduduk.

“Kami yakin, masalah banjir yang menghantui penduduk selama ini akan berkurangan jika sistem perparitan di kampung ini diselenggara secara berkala. Oleh itu, kami berharap JPS dan MPS memandang serius masalah ini, katanya.

KAJANG: Penduduk Kampung Limau Manis, di sini meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Majlis Perbandaran Sepang (MPS) memastikan penyelenggaraan dan pembersihan parit di kampung itu dilakukan secara berkala bagi mengelakkan banjir kilat yang membelenggu penduduk sejak 10 tahun lalu.

Tinjauan *Sentral* mendapati, semua longkang di sekitar kampung dipenuhi semak dan lalang yang meninggi sehingga menutup permukaan longkang yang mengakibatkan kekeliruan jika mencari arus perparitan.

Tidak cukup dengan itu, penduduk yang ditemui mengeluh mengenai masalah itu berikutan seolah-olah dianaktirikan dari segi penyelenggaraan sistem perparitan walaupun lokasi kampung terletak bersebelahan Putrajaya.

Difahamkan, ada juga penduduk yang mengeluarkan wang sendiri mencecah ribuan ringgit untuk membina penghadang longkang atau membaiki pulih tebing bagi mengelak air longkang masuk ke dalam rumah ketika hujan lebat.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKK) Kampung Limau Manis, Md Naim Alwi, berka-



KEADAAN sistem perparitan yang tidak diselenggara di Kampung Limau Manis.

ta kampung itu adalah antara penempatan penduduk yang sinonim dengan masalah banjir kilat terutama pada musim hujan sejak berpuluh tahun lalu,

“Lihat saja keadaan longkang

di sekitar kawasan kampung ini, semuanya ditutupi semak dan lalang, ada juga kenderaan yang baru pertama kali menggunakan laluan bersebelahan longkang ini terbabas kerana menyangka ia adalah padang

bukannya longkang,

“Saya mewakili rintihan penduduk kampung yang sering menanggung kerugian kesan dari banjir kilat yang berlaku. Saya menyarankan agar penyelenggaraan berkala

dapat dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi mengatasi masalah ini,

“Jika perlu, lakukanlah kerja pembersihan lalang dan semak yang ada di sekitar longkang kerana kami khuatir ia menja-